

BURUKNYA PERANGAI SI TANGGANG MODEN

Oleh: Nurul Iffah Hannani binti Mat Noor, 1171831,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 21 Ogos 2020



Generasi kini sering mengambil mudah tentang urusan penjagaan ibu bapa mereka yang sudah uzur.

Mereka lupa bahawa reda ibu bapa adalah jalan mudah untuk mereka mengecapi nikmat syurga kelak.

Bukankah Allah SWT telah berfirman dalam al-Quran akan kepentingan dan kewajipan anak untuk menghormati dan mengasihi ibu bapa mereka?

Allah SWT bukan sahaja menegaskan perkara ini dalam satu ayat sahaja, bahkan Allah SWT menitikberatkan ketinggian darjat ibu bapa dalam pelbagai ayat dan surah.

Hukum mentaati kedua ibu bapa adalah wajib selagi mana ia tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Allah SWT mengangkat darjat hamba-Nya yang memuliakan ibu bapa serta mengurniakan mereka dengan kelapangan urusan dan dimurahkan rezeki.

Namun, betapa keringnya hati segelintir manusia pada akhir zaman ini sehingga ada dalam kalangan mereka sanggup membuang dan mengabaikan ibu bapa mereka yang telah memberikan kasih sayang bagai menatang minyak yang penuh.

Mereka bersikap demikian kerana menganggap ibu bapa mereka banyak menimbulkan bebanan kepada mereka.

Ada segelintir Si Tanggang Moden sanggup mendera ibu bapa mereka. Selain itu, mereka memberi alasan sibuk mencari kekayaan dunia demi membahagiakan kedua orang tua mereka sehinggakan tiada masa untuk meluangkan waktu bersama.

Kita lupa bahawa wang bukanlah jaminan kebahagiaan ibu bapa kita, malah di usia mereka yang kian senja, mereka hanya mahu perhatian dan kasih sayang daripada anak-anak mereka.

Lebih menyedihkan, ada juga manusia yang mengabaikan ibu bapa mereka kerana hasutan pasangan masing-masing.

Ada kisah tentang seorang ustaz yang ditugaskan untuk memberi barangan keperluan kepada sebuah rumah orang tua, lantas beliau dipeluk oleh seorang wanita tua yang menganggap beliau seperti anaknya.

Wanita tua tersebut telah ditinggalkan oleh kelima-lima anaknya di rumah orang tua. Mereka tidak pernah menjenguk ibu mereka lagi. Kerinduan menyebabkan dia menganggap ustaz tersebut sebagai anaknya sendiri.

Ustaz membawa ibu tua itu pulang ke rumahnya selama lima hari dan beliau menjadi imam solat pada hari pertama.

Pada mulanya, wanita tua itu bersalam dengan ustaz tanpa berlapik. Namun, setelah beberapa hari, ibu itu melapik tangannya kerana menyedari bahawa ustaz itu bukan anaknya.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dalam portalnya menyatakan bahawa hukum menghantar ibu bapa ke rumah orang tua adalah harus dan dibolehkan jika ibu bapa menyukainya serta tiada unsur penganiayaan terhadap mereka.

Walau bagaimanapun, ia haruslah memenuhi syarat-syarat seperti mendapat persetujuan daripada kedua ibu bapa, tempat yang dikhaskan untuk mereka mestilah selesa serta menenangkan perasaan mereka.

Jika ibu bapa mereka tidak reda serta niat anak untuk menghantar kedua orang tua mereka hanyalah untuk melepaskan tanggungjawab mereka, maka hukumnya adalah haram.

Kita sebagai seorang anak perlu ingat bahawa suatu hari nanti kita juga akan menjadi seorang bapa atau ibu.

Tidak mustahil apa yang kita lakukan terhadap ibu bapa akan diulangi oleh anak-anak kita kelak.

